

# 12H 9M KEMUNCAK ENGLAND, SCOTLAND & WALES UTARA



## MENEROKA LOKASI TERBAIK GREAT BRITAIN

Tarikh	Musim	HARGA SEORANG					Saiz Kumpulan (pax)
		<b>SPECIAL! EARLY BIRD (BERDUA/BERTIGA)</b>	Berdua/ Bertiga	Single SUPP	Kanak-Kanak Dengan Katil	Kanak-Kanak Tanpa Katil (Up to 5yrs)	
<b>2026</b>							
Pilihan pelanggan (Ground only)	-	-	RM11,990	RM3,500	RM11,490	RM10,490	6 - 8
28 Sep - 09 Okt	Autumn	<b>RM13,490</b>	RM13,990	RM3,500	RM13,490	RM12,490	12 - 21
05 Okt - 16 Okt	Autumn	<b>RM13,490</b>	RM13,990	RM3,500	RM13,490	RM12,490	
19 Okt - 30 Okt	Autumn	<b>RM13,490</b>	RM13,990	RM3,500	RM13,490	RM12,490	
25 Okt - 05 Nov	Autumn	<b>RM13,490</b>	RM13,990	RM3,500	RM13,490	RM12,490	
<b>2027</b>							
26 Mac - 07 Apr	Spring	<b>RM13,490</b>	RM13,990	RM3,500	RM13,490	RM12,490	12 - 21
20 Apr - 01 Mei	Spring	<b>RM13,490</b>	RM13,990	RM3,500	RM13,490	RM12,490	
03 Mei - 14 Mei	Spring	<b>RM13,490</b>	RM13,990	RM3,500	RM13,490	RM12,490	
<b>PROMOSI EARLY BIRD TERHAD KEPADA 10 PENDAFTAR YANG PERTAMA!</b>							
<b>Surcharge RM500/seorang untuk saiz kumpulan 9-11 pax</b>							
<b>EXTRA DISCOUNT SENIOR CITIZEN - RM150 / PAX (58 TAHUN KE ATAS)</b>			<b>INSTANT CASHBACK REWARDS - RM130 / PAX</b>			<b>LOYALTY CUSTOMER - RM200 / PAX</b>	

### Pakej ground 6 - 8 orang termasuk:

- Sarapan pagi di hotel
- Penginapan 9 malam di hotel bertaraf tourist class
- Pengangkutan darat beserta pemandu yang fasih berbahasa Inggeris
- Lawatan dan pengangkutan seperti dalam aturcara

### Pakej ground 6 - 8 orang tidak termasuk:

- Tiket masuk ke tempat lawatan
- Tip untuk pemandu sebanyak £60 seorang
- UK Electronic Travel Authorisation (ETA)
- Tour Leader dari Malaysia
- Makan selain dari dalam aturcara
- Insurans perjalanan RM174 seorang (Etiqa Takaful Insurance / Pelan Platinum - umur 70 tahun ke atas tertakluk kepada surcaj)
- Lawatan dan makan selain dari dalam aturcara
- Perkara lain yang tidak termasuk dalam aturcara

### Pakej group termasuk:

- Tiket penerbangan antarabangsa kelas ekonomi
- Penginapan 9 malam di hotel bertaraf tourist class
- Pengangkutan mini bas / bas besar
- Lawatan seperti dalam aturcara
- Sarapan pagi setiap hari
- Profesional Tour Guide di York & Edinburgh
- Diringi oleh Tour Leader yang berpengalaman

### Pakej group tidak termasuk:


- Tip RM300 seorang
- UK Electronic Travel Authorisation (ETA) - RM120 / seorang
- Insurans perjalanan RM174 seorang (Etiqa Takaful Insurance / Pelan Platinum - umur 70 tahun ke atas tertakluk kepada surcaj)
- Lawatan dan makan selain dari dalam aturcara
- Perkara lain yang tidak termasuk dalam aturcara

**\*Nota: Kadar tertakluk kepada perubahan tanpa notis awal sekiranya berlaku pengurangan bilangan peserta, turun naik mata wang serta sebarang surcaj bahan api yang dikenakan oleh syarikat penerbangan.**

**MAKLUMAT PENERBANGAN:**  
**QR4990 KULDOH 2100 2330**  
**QR 021 DOHMAN 0110 0630**  
**QR 024 MANDOH 2140 0630**  
**QR4993 DOHKUL 0805 2055**

*\*Nota: Aturcara akan disesuaikan mengikut jadual penerbangan yang digunakan.*

**DEPOSIT: RM3000/seorang**  
**HUBUNGI: OFFICE / AISHAH / ZAWATI**  
**0390572324 / 0173496008 / 0192277253**



## HARI 1: BERLEPAS DARI KLIA

Berkumpul di KLIA 4 jam sebelum berlepas, daftar masuk dan berlepas.

## HARI 2: MANCHESTER - NORTH WALES - PORTMEIRION – ABERYSTWYTH (SP)

Setibanya di **Manchester**, perjalanan diteruskan ke **North Wales**. Sepanjang laluan, nikmati pemandangan ladang terbuka dan bukit hijau dengan gunung-gunung yang indah apabila menghampiri **Snowdonia**.

Tiba di **Conwy**, sebuah bandar pelabuhan bersejarah yang menempatkan **Conwy Castle**, istana zaman pertengahan yang terletak berhampiran laut. Di sini juga terdapat **rumah terkecil di dunia**, sebuah bangunan merah kecil yang hanya cukup untuk seorang berdiri. Makan tengah hari disini.

Seterusnya, singgah di **Portmeirion Village**, perkampungan unik berinspirasi Itali, lengkap dengan bangunan berwarna-warni, taman-taman tersusun dan laluan indah. Masa bebas untuk bergambar dan bersiar-siar.

Kemudian, perjalanan diteruskan ke **Aberystwyth**, sebuah bandar pesisir yang terkenal sebagai pusat pendidikan dan budaya. Laluan ke sini menyajikan pemandangan laut terbuka, ladang dan bukit-bukit yang menenangkan.

Setibanya di **Aberystwyth**, daftar masuk hotel dan berehat. Bermalam di **Aberystwyth**.



## HARI 3: ABERYSTWYTH – STRATFORD-UPON-AVON – OXFORD (SP)

Selepas sarapan pagi, perjalanan diteruskan meninggalkan **Aberystwyth** menuju ke kawasan **Cotswolds**, sebuah kawasan luar bandar di England yang terkenal dengan landskap desa yang indah, kampung tradisional serta rumah batu berwarna madu yang menjadi identiti kawasan ini.

Persinggahan pertama adalah di **Bourton-on-the-Water**, sebuah perkampungan yang sering digelar sebagai salah satu kampung tercantik di United Kingdom. Kampung ini terkenal dengan sungai kecil yang mengalir tenang melalui pusat pekannya serta dihiasi dengan beberapa jambatan batu yang menambah suasana klasik England. Luangkan masa berjalan santai di sekitar kawasan ini sambil menikmati pemandangan rumah-rumah tradisional dan kedai kecil yang menarik.

Perjalanan diteruskan ke **Bibury** untuk melihat kawasan ikonik **Arlington Row**. Barisan rumah batu tradisional yang dibina sejak abad ke-14 ini merupakan antara pemandangan paling terkenal di England dan sering dijadikan simbol **Arlington Row** keindahan desa **Cotswolds**. Keunikan seni bina serta suasana kampung yang tenang menjadikan kawasan ini lokasi popular untuk fotografi.

Selepas lawatan, perjalanan diteruskan ke bandar universiti terkenal iaitu **Oxford**. Setibanya di **Oxford**, daftar masuk hotel dan bermalam di sini.



#### **HARI 4: OXFORD – BICESTER VILLAGE – STADIUM EMIRATES – LONDON (SP)**

Sarapan pagi di hotel sebelum memulakan lawatan sekitar bandar bersejarah **Oxford**. Lawatan dimulakan dengan berjalan kaki di sekitar kawasan **University of Oxford** yang merupakan antara universiti tertua di dunia yang masih beroperasi. Kawasan universiti ini terkenal dengan bangunan bersejarah yang indah serta suasana akademik klasik England. Antara lokasi menarik yang dapat dilihat termasuk **Bodleian Library, Radcliffe Camera** dan **Bridge of Sighs**.

Selepas lawatan, perjalanan diteruskan ke **Bicester Village**, sebuah destinasi membeli-belah terkenal yang menempatkan pelbagai jenama antarabangsa dengan harga istimewa. Luangkan masa untuk membeli-belah serta menikmati suasana eksklusif di outlet ini.

Kemudian perjalanan diteruskan ke **Emirates Stadium**, stadium rasmi kelab bola sepak terkenal Arsenal F.C. Di sini terdapat peluang untuk merakam gambar di luar stadium serta mengunjungi kedai rasmi kelab bagi membeli cenderahati.

Akhirnya perjalanan diteruskan ke **London**. Setibanya di **London**, daftar masuk hotel dan bermalam di kawasan Bayswater.



#### **HARI 5: LONDON (SP)**

Selepas sarapan, nikmati masa santai pagi di **Kensington Garden**, taman diraja yang indah dan sesuai untuk bersiar-siar sambil menikmati suasana pagi **London**. Kemudian, teruskan dengan lawatan penuh hari di **Kota London**. Anda berpeluang melihat dari dekat mercu tanda ikonik seperti **Tower Bridge, Big Ben, Buckingham Palace, Parliament Square, Trafalgar Square** dan **London Eye**.

Seterusnya, nikmati pengalaman tempatan di **Borough Market**, salah satu pasar makanan terbesar dan tertua di London. Di sini, anda boleh membeli buah-buahan segar. Dari sini, jalan santai menyusuri **Queen's Walk**, laluan pejalan kaki indah di sepanjang **Sungai Thames**, yang membawa anda terus ke kawasan **Tower Bridge**.

Kemudian, teruskan perjalanan ke **Knightsbridge** dan **Piccadilly Circus**. Luangkan masa membeli cenderahati di **Hard Rock Cafe**, outlet terbesar di UK, serta deretan kedai-kedai menarik di kawasan tersebut.

Akhir sekali, masa bebas untuk membeli-belah di sekitar **Bayswater** atau **Oxford Street** sebelum

kembali ke hotel untuk bermalam. Bermalam di **London**.



## HARI 6: LONDON – YORK (SP)

Selepas sarapan pagi dan daftar keluar hotel, perjalanan diteruskan menuju ke bandar bersejarah **York** yang mengambil masa kira-kira 4 jam. Kota ini dikenali sebagai “**The Viking Land**” of England dan mempunyai warisan sejarah yang sangat kaya sejak zaman pemerintahan Rom dan Viking, menjadikannya antara destinasi paling unik untuk meneroka sejarah England yang berusia ribuan tahun.

Setibanya di **York**, lawatan dimulakan dengan walking tour di sekitar pusat bandar. Antara lokasi menarik yang akan dikunjungi termasuk **Museum Gardens** yang menempatkan tinggalan sejarah, **York Minster** yang merupakan salah satu katedral Gothic terbesar di Eropah, serta berjalan di sepanjang **York City Walls** yang masih terpelihara dengan baik.

Lawatan diteruskan ke **The Shambles**, lorong sempit bersejarah yang terkenal dengan bangunan kayu tradisional serta deretan kedai cenderahati yang unik.

Bermalam di **York**.



## HARI 7: YORK – NEWCASTLE UPON TYNE – EDINBURGH (SP)

Perjalanan diteruskan menuju ke utara **England**, merentasi pemandangan desa yang menghijau menuju ke kawasan Tyne and Wear. Singgah sebentar di **Angel of the North**, sebuah arca bersaiz gergasi yang menjadi mercu tanda ikonik di kawasan **Gateshead**, berhampiran **Newcastle**. Arca setinggi 20-meter ini melambangkan peralihan kawasan industri ke era moden dan merupakan salah satu karya seni awam paling terkenal di UK.

Seterusnya, singgah di **Newcastle upon Tyne**, sebuah bandar universiti yang moden namun sarat dengan sejarah. Kota ini pernah menjadi kubu penting semasa zaman Rom dan kini terkenal dengan gabungan seni bina klasik serta struktur moden seperti **Millennium Bridge**.

Kemudian, teruskan perjalanan merentasi sempadan **Scotland**, menuju ke bandar bersejarah **Edinburgh**. Tiba di **Edinburgh**, mulakan walking tour melalui **Royal Mile** yang terkenal, di mana anda dapat melihat deretan bangunan gaya Georgian dan Victorian yang masih terpelihara. Lawatan termasuk melihat dari luar **Istana Edinburgh**, serta masa bebas untuk membeli-belah di **Princes Street**, termasuk kunjungan ke **Hard Rock Café**.

Akhir hari, berhenti seketika untuk bergambar di kawasan viewpoint **Forth Bridges**, yang menampilkan jambatan-jambatan ikonik yang merentasi **Firth of Forth**. Daftar masuk hotel dan bermalam di **Edinburgh**.



Angel of the North



Millennium Bridge



Edinburgh

## HARI 8: EDINBURGH – FALKIRK - INVERNESS (SP)

Sarapan dan daftar keluar, teruskan perjalanan merentasi tanah tinggi Scotland yang terkenal dengan keindahan muka bumi dan mitosnya. Singgah di Falkirk untuk merakam gambar di hadapan arca ikonik **The Kelpies**, dua kepala kuda logam setinggi 30-meter yang dibina bagi menghargai sumbangan kuda dalam sektor industri dan ekonomi Scotland. Anda juga berpeluang melihat **The Falkirk Wheel**, satu-satunya lif bot berputar di dunia – sebuah keajaiban kejuruteraan moden Britain.

Perjalanan diteruskan ke **Stirling** untuk bergambar dengan latar seni bina megah **Istana Stirling** (view only), salah satu istana bersejarah penting di Scotland.

Kemudian, singgah sebentar di **Pitlochry**, sebuah kampung kecil dengan senibina era Victoria dan dikelilingi panorama memukau Highland Perthshire. Lawatan diteruskan ke **Pitlochry Dam Visitor Centre** untuk melihat empangan di Sungai Tummel serta mengetahui sejarah hidroelektrik di Scotland. Makan tengah hari disini (kos sendiri).

Seterusnya, menuju ke **Inverness**, sebuah bandar kecil yang menjadi pintu masuk ke kawasan tanah tinggi Scotland. Inverness terkenal sebagai "Capital of the Highlands". Bandar ini mempunyai sejarah panjang yang bermula sejak zaman Viking dan memainkan peranan penting dalam pelbagai peristiwa bersejarah termasuk Battle of Culloden pada tahun 1746. Daftar masuk hotel dan bermalam di **Inverness**.



Kelpies



Pitlochry



Inverness

## HARI 9: INVERNESS - LOCH NESS – FORT WILLIAM – GLENCOE – LOCH LOMOND – GLASGOW (SP)

Selepas sarapan, bertolak ke **Loch Ness** yang terkenal dengan mitos raksasa tasik. Lawatan ke **Urquhart Castle** (view only) – sebuah istana tinggalan yang terletak di sebelah Loch Ness di Tanah Tinggi Scotland.

Seterusnya, rombongan akan dibawa melewati perkampungan **Fort Augustus**. Nikmati masa santai bersiar-siar di sepanjang tebing terusan Caledonia sambil melihat operasi pengurusan canal & bot. Teruskan perjalanan ke **Fort William**. Makan tengahari dan berpeluang membeli-belah barangan rekreasi disini.

Teruskan perjalanan ke lembah popular di Scotland dikenali sebagai **Glencoe** – lokasi terkenal dalam filem James Bond Skyfall yang berlatar belakang pergunungan Ben Nevis.

Kemudian ke **Loch Lomond** yang di umpamakan lukisan, kawasan ini dikatakan satu daripada lokasi paling cantik dan menarik di tanah tinggi Scotland.

Kembara diteruskan ke **Glasgow**, bandar terbesar Scotland dan ketiga terbesar di United Kingdom. Daftar masuk hotel & bermalam di **Glasgow**.



Fort Augustus



Glencoe



Bandar Glasgow

## **HARI 10: GLASGOW – GRETNA GREEN – LAKE DISTRICT – CHESHIRE OAK – LIVERPOOL (SP)**

Selepas sarapan, lawatan diteruskan ke **Muzium Riverside**, yang menempatkan The Glenlee (The Tall Ship), sebuah kapal sejarah yang kini menjadi tarikan pelancong yang mempamerkan sejarah pelayaran dan kehidupan di laut.

Kemudian, rombongan akan menuju ke **Gretna Green**, sebuah pekan kecil yang terletak di sempadan Scotland dan England. Anda akan melawat **Gretna Green Famous Blacksmith Shop**, tempat pertama di dunia yang membolehkan pasangan berkahwin tanpa izin daripada orang tua, serta melihat pelbagai aktiviti pertukangan besi yang masih diteruskan di sini.

Seterusnya, perjalanan diteruskan ke **Lake District**, sebuah kawasan yang diiktiraf sebagai UNESCO World Heritage Site dan terkenal dengan kecantikan semulajadi yang menakjubkan. Kawasan ini dipenuhi dengan gunung, lembah hijau dan tasik yang indah. Anda berpeluang menaiki **Windermere Blue Cruise**, sebuah pelayaran di **Lake Windermere**, tasik terbesar di England.

Setelah itu, lawatan diteruskan ke **Cheshire Oak Designer Outlet**, outlet terbesar di United Kingdom, di mana anda boleh membeli pelbagai jenama terkenal pada harga diskaun.

Bertolak ke **Liverpool**. Daftar masuk hotel dan bermalam.



Gretna Green



Windermere Blue Cruise



Cheshire Oak Designer Outlet

## **HARI 11: LIVERPOOL – MANCHESTER – PENERBANGAN BALIK (SP)**

Sarapan pagi di hotel. Mulakan lawatan berjalan kaki di sekitar **Liverpool** yang terkenal dengan kumpulan muzik 1970 an, The Beatles dan dermaga. Sambil merakam gambar, peserta berpeluang menikmati masa santai di **Royal Albert Dock** yang juga lokasi **The Beatles Statue** dan **The Beatles Story**. Bagi peminat bola sepak Inggeris, lawatan singkat ke **Stadium Anfield** yang menempatkan kelab

bola sepak Liverpool (dari luar sahaja) dan souvenir shop.

Teruskan perjalanan ke **Manchester**. Setiba di **Manchester**, terus ke **Stadium Old Trafford** yang merupakan stadium pasukan Manchester United. Selain dapat merakamkan gambar di stadium yang banyak mencipta sejarah ini, peserta juga berpeluang membeli belah di kedai cenderahati barangan kelab bola terkemuka ini.

Kemudian, bertolak ke Lapangan Terbang Manchester untuk penerbangan pulang.



The Beatles Statue



Liverpool



Stadium Old Trafford

## HARI 12: TIBA DI KUALA LUMPUR

Tiba di Kuala Lumpur dengan kenangan manis. Alhamdulillah

### SENARAI PENGINAPAN:

Bandar	Hotel
Aberystwyth	Penhros Park atau setara
Oxford	Ramada By Wyndham Oxford atau setara
London	Berjaya Eden London atau setara
York	Mercure York Fairfield Manor Hotel atau setara
Edinburgh	Holiday Inn Edinburgh atau setara
Inverness	Travelodge Inverness City Centre atau setara
Glasgow	Point A Glasgow Hotel atau setara
Liverpool	Holiday Inn Express Liverpool Central / An lhg Hotel atau setara

**Jadual perjalanan ini disediakan sebagai panduan dan tertakluk kepada perubahan mengikut keadaan semasa.**

**Tertakluk kepada terma & syarat.**

MYZARRA TRAVEL & SERVICES SDN BHD  
(737897-W) (KPK/LN:7712)  
4-2, JALAN TASIK SELATAN 3,  
BANDAR TASIK SELATAN, 57000 CHERAS,  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR  
TEL: +603 9057 2324 | WHATSAPP: +6019 2277 253  
EMAIL: [zarratravel@yahoo.com](mailto:zarratravel@yahoo.com) / [sales.myzarra@gmail.com](mailto:sales.myzarra@gmail.com)